

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2021/2022

Julai/Ogos 2022

**HIS213 - Sumber dan Prinsip Perundangan Islam**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan-soalan berikut.

...2/-

**SULIT**

**Bahagian A**

1. Perbincangan Hukum *Wad'i* adalah mengenai sebab, syarat, halangan, *azimah*, *rukhsah*, sah dan batal.
  - [a] Berdasarkan kenyataan di atas, **terangkan** pengertian *rukhsah* dan sejauhmana seseorang mukalaf diberikan *rukhsah* dalam ibadat sehariang. [30 markah]
  - [b] **Bincangkan** TIGA situasi yang seseorang mukalaf tidak layak menerima *rukhsah* daripada syarak. [30 markah]
  - [c] **Berikan** TIGA contoh syarat yang tidak boleh dilaksanakan (tidak *nafaz*) dalam hukum syarak. [30 markah]
  - [d] **Jelaskan** hukum dan alasan bagi permasalahan berikut:  
Rogayah telah meninggal dunia akibat dibunuh oleh anak tunggalnya Azli yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Sebulan selepas itu, Azli telah menuntut haknya di bawah pembahagian harta pusaka Rogayah. [10 markah]
2. *Ijma'* (جماع) dan *Qiyas* (قياس) adalah merupakan elemen kemanusiaan yang terhasil melalui rasionaliti fuqaha ke atas nas dan peristiwa.
  - [a] **Konseptualkan** sumber *Qiyas* sebagai hukum yang disepakati dalam kalangan fuqaha, sedangkan ia melibatkan penggunaan akal manusia. Hujahkan berserta dengan contoh dan justifikasi. [30 markah]
  - [b] **Sesuaikan** pandangan yang dicapai secara *ijma'* dengan pandangan dicapai secara majoriti, daripada segi keutuhan pencapaian keputusan. [30 markah]

- 3 -

- [c] **Susun** syarat-syarat yang menjadikan sesuatu *qiyyas* itu **diklasifikasikan** sebagai *qiyyas ma'al fariq*.

[30 markah]

- [d] **Formulasikan** hukum dan alasan bagi permasalahan berikut:

Rasyid memutuskan bahawa isteri dan anaknya tidak dibenarkan dan haram mengambil suntikan vaksin kerana berdalilkan *qiyyas* bersubahat dengan Yahudi dalam merosakkan genetik orang Islam.

[10 markah]

#### Bahagian B

3. Istihsan merupakan antara salah satu sumber hukum yang diperselisih. Jawab soalan-soalan berikut;

- [a] **Konseptualkan** sebab yang membawa kepada penyataan Imam al-Syafie: "Istihsan adalah bernikmat-nikmat dan perkataan dengan hawa nafsu".

[30 markah]

- [b] **Sesuaikan** jenis-jenis istihsan yang berkaitan dengan situasi masalah berikut:

- [i] Harus dan menjadi bersih pakaian bernajis yang dibasuh dengan mesin basuh.

[10 markah]

- [ii] Harus membawa telefon pintar yang mengandungi aplikasi al-Quran ke dalam tandas.

[10 markah]

- [iii] Harus minum air kumbahan yang ditapis sehingga menjadi bersih bagi tempat yang menghadapi masalah bekalan air.

[10 markah]

...4/-

- 4 -

- [c] **Terangkan** kefahaman anda berserta contoh terhadap maksud istihsan: "Istihsan adalah meninggalkan *qiyyas* kepada kaedah umum kepada suatu hukum baru berdasarkan kewujudan dalil yang lebih kuat dan lebih khusus daripada dalil kaedah umum."
- [30 markah]
- [d] **Formulasikan** hukum bagi permasalahan berikut berdasarkan istihsan: Salleh menghantar bajunya ke sebuah dobi untuk dicuci. Apabila mengambil semula bajunya yang telah dicuci, dia mendapat terdapat koyakan pada bajunya. Lalu dia meminta ganti rugi daripada pemilik dobi tersebut.
- [10 markah]
4. *Al-Masalih* adalah kata jamak bagi *al-maslahah*. *Al-Maslahah* bermaksud mendatangkan manfaat dan menolak mudarat. Jawab soalan-soalan berikut;
- [a] **Klasifikasikan** sebab-sebab keharusan beramal dengan *al-masalih al-mursalah* dalam bab muamalat namun tidak diharuskan dalam bab ibadat.
- [30 markah]
- [b] "Beramal dengan *al-masalih al-mursalah* membuka ruang kepada orang jahil untuk membuat hukum-hakam dengan sewenang-wenangnya." **Terangkan** sebab sebahagian fuqaha berpandangan sedemikian.
- [30 markah]
- [c] "Syarat untuk beramal dengan *al-masalih al-mursalah* ialah ia hendaklah bertujuan menjaga lima *Maqasid Syariah*." **Formulasikan** huraiyan anda terhadap syarat tersebut.
- [30 markah]
- [d] **Formulasikan** hukum dan alasan bagi permasalahan berikut: Sarah bekerja di kelab malam kerana terdesak untuk menyara tiga orang anaknya.
- [10 markah]